

**Sejarah Awal Kepulauan Melayu:
Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang**
(The Heritage of the Early History of Sarawak:
The Five Lost Kingdoms)

SANIB SAID

Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak
Email: sanibsaid@hotmail.com

ABSTRAK

Sejarah awal negara Malaysia yang terdapat dalam pensejarahan Asia Tenggara telah menjadi sumber rujukan di peringkat sekolah dan juga universiti. Periode dari 1000EU hingga 1400EU lazimnya mengandungi naratif ringkas mengenai kerajaan tua. Semenanjung Tanah Melayu mewarisi negeri-kerajaan tua Kataha (Kedah), Langkasuka, Panpan, Chih-tu dan Baruas yang telah lama terdapat dalam buku sejarah. Bagaimanapun Sarawak kini tidak mewaris apa-apa sedangkan pesisir pantai Borneo di sebelah barat, selatan dan timur terdapat banyak negeri-kerajaan tua seperti Sambas, Mempawah, Pontianak, Landak, Sukadana, Sampit, Banjarmasin, Kutei, Pasri, Bolongan dan Brunei. Terdapat kekosongan dari segi masa dan ruang dalam pensejarahan negeri Sarawak kini. Kajian yang lebih teliti terhadap beberapa sumber primer peribumi di Arkipelago Melayu seperti Silsilah Raja-Raja Brunei dan karya Jawa, Nagarakertagama, telah membongkar beberapa toponim seperti Sarawak, Samarahan, Saribas, Kalaka dan Malanau yang kini merupakan pusat pentadbiran negeri itu. Sumber primer peribumi telah menyatakan bahawa toponim ini adalah negeri yang pernah menjadi jajahan takluk Majapahit selepas itu di bawah Brunei pula. Karangan ini cuba memaparkan naratif ringkas seperti pendekatan yang terdapat dalam pensejarahan Asia Tenggara dan Semenanjung Malaysia. Akhirnya karangan ini mencadangkan negeri-kerajaan awal yang diwarisi oleh negeri Sarawak sekarang dinobatkan ke dalam buku sejarah kurikulum sejarah Negara.

Kata Kunci: Sejarah awal Malaysia, sejarah awal Sarawak, Samarahan, Saribas, Kalaka, Malanau.

ABSTRACT

The early history of our nation as found in the historiography of Southeast Asia has been the source of reference at the school level as well as at the universities. The period from 100 CE to 1400 CE usually comprises brief narratives of various small old kingdoms. The Peninsula Malaysia inherits the old kingdoms of Kataha (Kedah), Langkasuka, Panpan, Chih-tu and Baruas that have been in the history books all along. As for Sarawak, there is none although the west, south and east coasts of the island of Borneo are dotted with many old kingdoms such as Sambas, Mempawah, Landak, Pontianak, Sukadana, Sampit, Banjarmasin, Kutei, Pasir, Bolongan and Brunei. There is a historical void in time and space where Sarawak is today. A closer reading of two indigenous primary sources of the Malay Archipelago, namely the royal genealogy of the sultanate of Brunei in various manuscripts and the 1365 Javanese chronicle, *Nagarakertagama*, reveals several toponyms such as Sarawak, Samarahan, Saribas, Kalaka and Malanau that are now prominent administrative towns of Sarawak. The former indigenous source clearly mentions the five as *negeri* while the later lists them as vassals of Majapahit. Hence, this paper attempts first to prove the historicity the five kingdoms and subsequently gives brief narratives. Just as the short descriptions given in the present historiography of Southeast Asia and the Peninsula Malaysia for the various old kingdoms, this paper, therefore, strongly proposes that the five old kingdoms that are inherited by Sarawak, should now be included not only in the history books but also in the nation's history curriculum.

Keywords: Early history of Malaysia, old kingdoms, Sarawak, Samarahan, Saribas, Kalaka, Malanau.

PENGENALAN

Pada masa ini buku-buku tentang sejarah awal Tanah Melayu terdapat di dalam historiografi Asia Tenggara dan kemudian menjurus ke dalam sejarah Malaysia yang sekian lama menjadi rujukan dan buku teks di sekolah dan universiti.¹ Lazimnya sejarah awal meliputi periode sebelum

¹ Sebagai contoh sila lihat, K.R. Hall, *A history of early Southeast Asia: maritime trade and societal development, 100-1500* (Rowman & Littlefield, 2010); G. Coedès, *The Indianized states of Southeast Asia* (East-West Center Press, 1968); M.D. Mansoer, *Pengantar sejarah Nusantara awal* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979); A.R.H. Ismail, *Malaysia: sejarah kenegaraan dan politik* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005); M.A. Ishak, *The Malay civilization* (Persatuan Sejarah Malaysia, 2007).

1400 masihi yang menggalurkan banyak kerajaan tua. Di dalam buku-buku ini boleh dirumuskan bahawa Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu sahaja) mewarisi kerajaan-kerajaan tua seperti Kataha (Kedah), Panpan, Chih-tu, Langkasuka, Baruas, Gangganegara, Srivijaya, Pasai, Perlak, Jambi, Aceh dan Pagaruyung walaupun digalurkan secara sangat ringkas sebagai latar belakang.

Terpinggirnya kerajaan-kerajaan tua yang menjadi warisan negeri Sarawak mungkin disebabkan oleh dua perkara. Sebab pertama, mungkin terdapat kekeliruan tentang ruang dan masa silam yang diwarisi oleh Malaysia sekarang. Sebab kedua ialah ruang dan masa silam di utara Borneo yang diwarisi oleh negeri Sarawak (dan Sabah) di dalam historiografi Asia Tenggara dan Malaysia tidak ada menyebut kerajaan tua selain Brunei. Penyelidikan yang lebih teliti kini membuktikan bahawa kerajaan tua ini pernah wujud tetapi telah “hilang” atau belum ditemui semula oleh sejarawan masa lalu.

KERANGKA MASA DAN RUANG: *THE MALAY MEDITERRANEAN*

Mungkin ada manfaatnya jika perbincangan terhadap sejarah awal negara - bangsa Malaysia, dimulakan dengan beberapa konsep sejarah supaya penghujahan dalam merekonstruksi naratif masa silam ini menjadi jelas.² Pendekatan seperti ini difikirkan sesuai bukan sahaja untuk sejarah awal Sarawak tetapi untuk sejarah nasional secara umumnya. Suatu konsep asas sejarah yang mantap ialah *time and space* (masa dan ruang) di mana perubahan masa sering menyebabkan perubahan ruang. Sejarawan telah menggunakan konsep masa dengan mencipta periodisasi seperti dalam maksud “zaman”; manakala konsep ruang pula sejarawan menamakan

² Penulis telah cuba mengetengahkan pendekatan seperti ini, lihat Sanib Said, 1993, “Early Port-Cities of Sarawak: Formation of Sarawak’s Polity”, Borneo Research Council Conference, Kuching, Sarawak; “The History of Sarawak: Where Do We Begin?”, Sarawak Museum Journal, 1999, hal.211-255; 2006, “Pensejarahan Sarawak: Memperbaharui Makna Lama”, Seminar Sejarah Sarawak, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, September. Prof. Abdul Halim Ali yang telah menggunakan konsep cultural zones yang diperkenalkan oleh Fernand Braudel yang saya pelajari semasa mengambil kursus teori dan sejarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976, sekadar sebagai rekod untuk sumber rujukan.

wilayah dengan nama dan gelaran sama ada oleh penduduk bumiputera atau orang luar. Dalam konteks masa sebelum 1400 Masihi belum ada ruang dengan nama negara - bangsa Malaysia seperti yang kita fahami sekarang yang dibentuk dalam acuan negara-bangsa Barat.³ Oleh yang demikian mungkin kurang manfaatnya dan kurang pemahaman yang boleh diperolehi jika pendekatan seperti ini tidak diberi perhatian sewajarnya.

Pendekatan yang sesuai dan difikirkan akan memberikan kefahaman yang bermanfaat untuk masa sekarang ialah melihat masa dan ruang tanpa sempadan negara-bangsa yang ada sekarang. Sejarawan yang memperkenalkan pendekatan ini ialah Fernand Braudel, seorang sejarawan aliran *Annales* dari Perancis, yang menjadi terkenal kerana bukunya mengenai ruang Mediterranean dan ruang pesisir Lautan Mediterranean sebelum didirikan berbagai-bagai negara-bangsa pada zaman moden.⁴ Beliau menggunakan konsep geografi yang dipelajarinya semasa menjadi siswa untuk penyelidikan dalam bidang sejarah. Di samping pengaruh geografi dan sebagai ahli aliran *Annales* yang merobah pendekatan pengajian dan penyelidikan sejarah, akhirnya beliau terkenal juga sebagai pemuka konsep *total history is the only true history*⁵ dan menolak

³ Sejarawan memahami konsep negara-bangsa berlainan dengan apa yang fahami oleh saintis politik dan saintis sosial. Sejarawan mengaitkan konsep ini dengan sejarah nasionalisme di Eropah, contohnya lihat H. Kohn and C.J. Calhoun, *The Idea of Nationalism: A Study in Its Origins and Background* (Transaction Publishers, 2005). E. Kedourie, *Nationalism*, Wiley Blackwell, London, 1993 dan A.H. Birch, *The Concepts and Theories of Modern Democracy* (London: Routledge, 2007). Nati dari perkataan Latin bererti "that which has been born", lahir berdarah sesuatu *race* dan sememangnya diterjemahkan sebagai "bangsa" seperti konsep "negara-bangsa", negara adalah "ruang" dan bangsa adalah "penduduk sedarah". Perbezaan ini boleh dilihat di Malaysia, contohnya, J. Ongkili, 1985, *Nation-building in Malaysia, 1946-1974*, Oxford University Press.; Noraini Othman et al, *Sharing the Nation*, SRID, Petaling Jaya, 2008 dan Lee Kam Hin et al (Ed.), 2000, *The Chinese in Malaysia and Nation-Building*, Oxford University Press.

⁴ Fernand Braudel et al., *The Mediterranean in the ancient world* (London: Penguin, 2002); Fernand Braudel and Sian Reynolds, *The Mediterranean and the Mediterranean world in the age of Philip II* (London: Fontana, 1975).

⁵ F. Braudel, 1992, *The Identity of France. People and Production*, vol. 1, HarperPerennial, University of Michigan, USA, , hal. 17

pendekatan modenisme yang diberi jolokan bersifat Rankean yang hanya mementingkan fakta dan aspek politik semata-mata.⁶

Pengikut Fernand Braudel dalam sejarah Asia Tenggara telah cuba menggunakan konsep beliau dengan melihat ruang ini mempunyai persamaan dengan Mediterranean.⁷ Sejarawan Australia, Anthony Reid adalah yang pertama menggunakan pendekatan ini yang terkandung dalam dua buah buku yang mantap.⁸ Beliau diikuti oleh sejarawan Perancis, Denys Lombard⁹; K. Chaudhari dari India¹⁰ dan akhir sekali seorang sejarawan R. Wong pula mentafsir dari kaca mata China¹¹ yang cuba memperkenalkan jolokan *the Chinese Mediterranean* untuk Lautan China Selatan yang mengandungi Arkipelago Melayu. Bagaimanapun persoalan lama tentang masa dan ruang sebagai kajian wilayah bernama *Southeast Asia* (Asia Tenggara) sentiasa menghantui sejarawan walaupun menggunakan panduan Fernand Braudel. Anthony Reid sendiri mengakui kerumitan menemui wilayah ini; pada tahun 1993 apabila menulis bab *Introduction: A Time and A Place*:

As a region, Southeast Asia is crucial to the resolution of the dilemmas of early modern history. But is it a region at all? Unlike Western Europe, India, the Arab world, China,

⁶ Jolokan ini adalah sempena nama sejarawan Leopold von Ranke, bapa aliran modenisme, yang sangat berpengaruh semenjak abad ke-19 lagi. Contohnya lihat K. Jenkins, *Re-thinking history*, Routledge, London, 2003; B. Southgate, *What is History For?*, Routledge, n.d.

⁷ Lihat H. Sutherland, "Southeast Asian History and the Mediterranean Analogy", *Journal of Southeast Asian Studies*, 34 (1), pp 1-20 February 2003, hal. 1-20. Beliau memberi rumusan dan ulasan mengenai penggunaan konsep ini dalam historiografi sejarah Asia Tenggara.

⁸ A. Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1660*, 2 Jilid, Yale University Press, USA, 1990

⁹ Denys Lombard, *Le carrefour javanais*, École des Hautes Études en Sciences Sociales, 1990 disebut dalam H. Sutherland, op cit., hl. 13. Telah diterjemah ke Bahasa Indonesia dengan judul, *Silang Budaya Jawa*, 3 Jilid, Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, 1996.

¹⁰ K. H. Chaudhuri, *Trade and civilisation in the Indian Ocean: An economic history from the rise of Islam to 1750*, Cambridge: Cambridge University Press, 1985, disebut dalam H. Sutherland, op cit. hal. 3.

¹¹ R. Wong, "Entre monde et nation. Les régions braudéliennes en Asie", disebut dalam H. Sutherland, op cit, hal. 14.

Sanib Said

*or even 'sinicized' eastern Asia as a whole, it has no common high religion, language, or classical culture ... and has never been part of a single polity.*¹²

Pada tahun 2005 beberapa orang sejarawan sejarah Asia Tenggara diundang khusus membentangkan kertas kerja mereka dalam sebuah kolokium anjuran National University of Singapore tetapi tidak disertai oleh sejarawan dari Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina. Sarjana dari Thailand dan Vietnam menegaskan bahawa mereka tidak pernah memikirkan kawasan atau negara-bangsa lain dan Asia Tenggara tidak wujud dalam rangka pemikiran dan penyelidikan mereka. Sementara itu seorang sarjana Amerika menuduh Asia Tenggara sebagai *area study* di universiti di USA dan Eropah adalah rekaan para sarjana sebagai periuk-nasi mereka.¹³ Di antara sejarawan itu ialah Ruth McVey, sarjana yang lebih tua dan dipandang tinggi, akhirnya merumuskan sehingga masa sekarang mereka gagal sekali lagi untuk menemukan *Southeast Asia* yang telah direka oleh rakan sarjana mereka yang terdahulu:

*Having concluded this volume, readers may well feel that instead of locating Southeast Asia they have discovered many Southeast Asias – or none. Does this stem from some characteristic of the region as a (non)entity, or from an insufficiency in our understanding of place? Why then does it have an unnerving tendency, on these pages, to dissolve.*¹⁴

Rumusan Anthony Reid dan McVey itu memang betul tentang masa dan ruang Asia Tenggara yang cuba menyatukan daratan dan pantai dan pulau di dua lautan besar yang mempunyai perbezaan ketara dan sedikit persamaan. Yang ada persamaan ialah dalam kalangan masyarakat daratan dan begitu juga dalam kalangan masyarakat di pantai dan pulau-pulau.

¹² A. Reid (Ed.), 1993, *Southeast Asia in the Early Modern Era*, Cornell Uni. Press, Itahca, USA, hal. 3.

¹³ Paul H. Kratoska, Remco Raben, Henk Schulte Nordholt (E.), 2005, *Locating Southeast Asia: Geographies of Knowledge and Politics of Space*, Issue 111 of Southeast Asia series, Ohio RIS Southeast Asia Series, Singapore University Press.

¹⁴ Ruth T. McVey, "Afterword: In Praise of the Coelacanth' Cousin", dalam P. Kratoska, *Ibid.*, hal. 308.

Masa dan ruang di pesisir pantai dan pulau-pulau itu ialah zon sosio-politik Melayu yang telah lama digelar *the Malay Archipelago*, Nusantara dan Dunia Melayu. Dengan menggunakan takrif Anthony Reid manusia di sinibanyak persamaannya termasuklah yang besar dan unggul. Lynda Shaffer merumuskan mungkin berlaku "*Mediterraneanization*" oleh tamadun China, India, Arab dan Eropah. Mungkin juga boleh digelar "*the Malay Mediterranean*". Lynda Shaffer, sejarawan sejarah dunia, memberikan judul yang menarik kepada bukunya yang kecil, *Maritime Southeast Asia to 1500* mencuba sesuatu yang lain termasuk tumpuan beliau terhadap orang Melayu walaupun masih sukar untuk mengeneipkan ruang sejarah Asia Tenggara sekali lagi.¹⁵

Setelah berkurun lamanya, kecelaruan dalam mencari masa dan ruang yang sesuai dan difikirkan akan bermanfaat pada masa sekarang ialah kerana mereka sengaja buta akan masyarakat yang utama di ruang ini. Masyarakat utama ialah masyarakat Melayu dalam ruang dan pada masa silam, dalam mana semua bangsa dan bahasa yang besar sekarang di dalam negara-bangsa masing-masing. Pada masa sekarang, ada orang Malaysia memikirkan dan mengangankan ruang dan masa bangsa Melayu itu meliputi pesisir tanah negara-bangsa sekarang seperti Vietnam, Kemboja, Siam dan seluruh pulau-pulau dalam Indonesia dan Filipina. Alfred Wallace, berdasarkan alam semula jadi termasuk manusianya telah memberikan nama *The Malay Archipelago* seperti judul bukunya yang terbit pada tahun 1869 mentakrifkan seperti ini:

*[I] consider the Malay Archipelago to include the Malay Peninsula as far as Tenasserim, and the Nicobar Islands on the west, the Philippines on the north, and the Solomon Islands beyond New Guinea, on the east.*¹⁶

Pada tahun 2004, pihak Arkib Negara Malaysia telah menjemput Profesor Leonard Andaya membentangkan sebuah kertas kerja dalam mana

¹⁵ Lynda N. Shaffer (1996), *Maritime Southeast Asia to 1500*, M.E. Sharpe, New York, hal. 12.

¹⁶ Alfred R. Wallace, 1869, *The Malay Archipelago*, Periplus Edition (2008), Singapore, hal.13

Sanib Said

beliau telah mengetengahkan beberapa masalah untuk merekonstruksi sejarah Malaysia. Masalah yang relevan dengan perbincangan kita pada hari ini ialah apa yang beliau katakan:

Using such a framework may be appropriate to study to the study of modern Malaysian history; however, it is not only inappropriate but even misleading for the study of pre-nineteenth century history. Many of the present borders continue to be porous, and the task of the historian is to identify where zones of human interaction occurred in the past, and then to acquire the linguistic and methodological skills to undertake the necessary research.¹⁷

Sehubungan itu, masa dan ruang dalam sejarah awal Malaysia ialah Arkipelago Melayu atau Kepulauan Melayu yang menjadi Dunia Melayu.

Pada masa silam yang menjadi zaman awal itu manusia Melayu yang menjadi penghuninya telah berpindah-randah dan saling berhubung sehingga membentuk pelbagai jaringan antara pulau Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Jawa, Borneo, Manila, Sulu, Makassar dan banyak lagi dan mendirikan banyak negeri-kerajaan awal Melayu-Hinduisme-Buddhisme dan kemudian negeri-kerajaan Melayu-Islam yang pernah bersatu dalam Empayar Srivijaya, Empayar Majapahit dan Empayar Melaka di sebelah barat. Manakala di sebelah timur pula negeri-kerajaan Melayu itu disatukan dalam Empayar Brunei dan Kesultanan Sulu. Empayar telah patah tumbuh hilang berganti; mereka muncul, berkembang, runtuh dan pupus silih berganti untuk mencipta suatu *rhythm in Malay history*¹⁸ dan dalam konsep Fernand Braudel *Malay cultural zones*. Ruang dan masa silam Sarawak itu mungkin boleh diletakkan dalam *Brunei cultural zone* atas dasar pengaruh dan kuasa sebuah empayar yang besar yang menjadi tumpuan kertas kerja ini.

¹⁷ L. Andaya, *Border crossing the borders of Malaysian History dalam Malaysian History from Dutch Sources*, Arkib Negara Malaysia, 2005.

¹⁸ O.W. Wolters, *The Fall of Śrīvijaya in Malay History* (Cornell University Press, 1970)., hal. 39-41.

LATAR BELAKANG

Dalam usaha merekonstruksi naratif sejarah awal Malaysia pelbagai masalah pensejarahan pasti akan bangkit dengan lebih rumit. Periode sejarah awal yang tandus dengan sumber primer dan sumber sekunder serta yang terpisah jauh oleh zaman telah menyukarkan usaha membuat rekonstruksi mantap. Pembacaan dan analisis sumber yang sedikit untuk mencari makna dari kaca mata masa dan ruang sekarang akan melontarkan fakta dan pentafsiran yang mungkin bersifat spekulatif. Justeru itu, untuk membina naratif sejarah awal dalam sebuah ruang baharu yang telah dicipta sebagai Sarawak dan Malaysia telah menyempitkan dan menyukarkan, malah boleh juga menyelewengkan pemahaman masa silamnya. Masa silam pra-sejarah telah mendapat perhatian para arkeologis lebih awal dan hasil kajian mereka, khususnya di Gua Niah yang tersohor itu, telah menemukan tengkorak seorang perempuan, mungkin boleh digelar sebagi gadis Niah yang besar kemungkinan hidup 40,000 Sebelum Masihi.¹⁹ Kewujudan manusia pra-sejarah, selanjutnya mungkin telah mengakibatkan kemunculan kerajaan-kerajaan awal sebuah pulau besar dikenali Borneo oleh dunia dan sebagai Kalimantan oleh Indonesia pada masa sekarang. Nama Borneo itu pula di ambil sempena Kerajaan Brunei tua sejak tahun 977EU dan menjadi empayar menakluki pulau-pulau yang kemudian dikenali sebagai Filipina di sebelah timur hingga ke Sambas di barat daya.

Bagi negeri Sarawak, warisan periode negeri-kerajaan tua ini pada masa ini merupakan luwongan besar walaupun di bahagian lain pantai sekeliling pulau Borneo itu ditandai dengan kerajaan tua seperti Bo-ni (Brunei), Kutei, Bolongan, Pasir, Banjarmasin, Sukadana, Pontianak,


¹⁹ Dunia akademik telah menukarkan sistem pentarikhkan. Sistem lama, iaitu BC (Before Christ) yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebagai SM (Sebelum Masehi) dan AD (Anno Domina) yang telah diterjemahkan sebagai M (Masehi). Amalan sekarang ialah BCE (Before Common Era) untuk BC dan CE (Common Era). Bagaimanapun perubahan ini belum lagi digunakan dalam Bahasa Melayu dan oleh yang demikian penulis mencadangkan penggunaan SEU (Sebelum Era Umum) untuk BCE dan EU (Era Umum) untuk CE

Sanib Said

Mempawah, Landak dan Sambas.²⁰ Adalah menjadi sangat ganjil bahagian pantai di utara Borneo dari Brunei hingga ke Sambas, kini menjadi sebahagian besar kawasan dalam negeri Sarawak, menjadi masa dan ruang yang kosong tanpa sejarah. Tanda tanya ini yang menjadi tarikan penyelidikan sebagai ruang lingkup dalam periode sejarah awal untuk dijadikan warisan negeri Sarawak.

Penelitian dua sumber primer bumiputera yang lebih berhati-hati telah memberi petunjuk akan kewujudan lima kerajaan tua yang hilang tersebut. Sumber primer yang pertama dan sangat popular ialah silsilah raja-raja Brunei yang terdapat dalam beberapa versi, ada yang telah terbit dan ada yang belum lagi dikaji. Catatan tersebut ialah:

Shahadan tersebut pula negeri Johor. Ada pun mula2 pada zaman itu Sultan Bahteri naik kerajaan di dalam negeri Johor, maka zamannya itu dipanggilnyalah Awang Khalak Betatar dan Petch Merbai di dalam negeri Berunai ke Johor. Maka apabila sudah sampai di negeri Johor, Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhammad ialah jadi raja yang pertama dalam Berunai, dan petch itu digalarnya jadi Pengeran Bendahara Seri Maharaja. Maka sultan itu dianugerahi oleh Yang Di Pertuan Johor



²⁰ Lihat DGE Hall, op cit.; U. Tjandrasmita, *Pertumbuhan dan Perkembangan Kota-Kota Muslim di Indonesia dari Abad XIII sampai XVIII Masehi* (Jakarta, Indonesia: Menara Kudus, 2000).

nobat negara dan genta alamat dan negeri lima buah, iaitu negeri Kalaka', dan negeri Saribas dan negeri Semarahan dan negeri Serawak dan Mukah.²¹

Sumber primer bumiputera yang kedua ialah dari Jawa, iaitu sebuah karya Prapanca yang berjudul *Nagarakertagama* yang dipercayai dikarang pada tahun 1365. Bahagian yang menarik ialah dalam Pupuh 14 yang menyatakan:

Pupuh 14

Kandandangan, Landa, Samadong dan Tirem tak terlupakan Sedu, Barune (ng), Kalka, Saludong, Solot dan juga Pasir, Barito, Sawaku, Tabalung, ikut juga Tanjung Kutei

MALANO TETAP YANG TERPENTING DI PULAU TANJUNGPURA....²²

Mungkin boleh ditafsirkan bahawa Barunai ialah Brunei, Sawaku ialah Sarawak, Kalka ialah Kalaka, Malano ialah Melanau dan Samadong ialah Sadong (Samarahan). Dengan sumber primer bumiputera merakamkan kewujudan lima buah kerajaan tua, maka ada hujah yang kukuh untuk kesejarahan masa silam di pantai utara Borneo. Inilah tujuan penyelidikan yang dijadikan asas penulisan ini mencari lima buah kerajaan tua yang telah hilang dan seterusnya akan mengesyorkan kerajaan tua ini dinobatkan di periode awal dalam sejarah Malaysia dan juga dalam sejarah Asia Tenggara.

GUA NIAH, KERAJAAN KUTEI DAN BO-NI (BRUNEI)

Negara-bangsa Brunei yang wujud pada masa sekarang yang mempunyai sejarah yang panjang serta berterusan mungkin sejak abad ke-9 lagi

²¹ A. Sweeney, "Silsilah raja-raja Berunai," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2 (1968), hal. 97. Tidak semua versi silsilah raja-raja Brunei mengandungi pernyataan tentang lima buah negeri ini. Ada juga versi yang menyebut lebih dari lima buah negeri seperti versi dalam simpanan Muzium Sarawak.

²² Slamet Muljana, 2006, *Tafsir Sejarah: Nagarakertagama*, LKIS, Jakarta, Indonesia, hal. 346.

dan pernah berjaya membina empayar yang besar yang meliputi pulau Lesung di utara dan keseluruhan bahagian utara dan timur pulau Borneo. Mungkin boleh dirumuskan bahawa Kerajaan Brunei awal merupakan entiti unggul di sebelah timur zon *politico-cultural* Melayu. Kerajaan Brunei awal ini ditakdirkan terletak tidak jauh dari Gua Niah yang telah diduduki manusia pra-sejarah 40,000 Sebelum Masihi.²³ Walaupun terdapat pantang-larang untuk berspekulasi wujudnya sebarang kaitan masa dan ruang pra-sejarah Gua Niah bersama Gadis Niah, tetapi mungkin dibolehkan sekadar menyebutnya sahaja supaya kerajaan Brunei dalam sejarah awal bukan muncul di utara Borneo ini dalam masa dan ruang silam yang kosong. Begitu juga halnya dengan petempatan pra-sejarah lain di Palawan, Sabah dan Kalimantan. Malah spekulasi seperti ini diperkuatkan bahawa negeri-kerajaan yang pasti lebih tua ialah Kutei, muncul pada sekitar tahun 400 Masihi, sebelum Srivijaya, betul-betul terletak di garis selatan dari Gua Niah dan Brunei.

Historiografi Brunei agak lumayan, termasuk periode kerajaan awal yang telah dikaji oleh Awang Muhamad Jamil Al-Sufri, Donald Brown, Robert Nicholl, dan Bilcher Bala.²⁴ Bagaimanapun adalah suatu yang lumrah dalam usaha merekonstruksi periode awal dalam mana kekurangan sumber maka banyak naratif terganggu dengan unsur spekulasi yang tebal dalam melakukan pentafsiran terhadap fakta yang sangat terhad itu dalam sejarah awal Kerajaan Brunei. Perbezaan pendapat sangat ketara dalam naratif asal-usul di antara mereka. Robert Nicholl mencadangkan bahawa berlaku perpindahan Kerajaan Kamrun atau Ku-lun dari tanah daratan, sekarang mungkin di Kemboja dan Vietnam, ke Borneo berdasarkan sumber China dan Arab.²⁵ Awang Muhamad Jamil Al-Sufri menceritakan kemunculan seorang lelaki yang berkahwin dengan 14 orang wanita yang

²³ ESS, singkatan untuk Era Sebelum Sekarang, ialah terjemahan dari BCE, singkatan untuk Before Current Era, yang kini telah diterima umum bagi menggantikan pentarikhkan AD (Anno Domini) dan BC (Before Christ) dalam usaha mengelakkan kecondongan agama. P. Bellwood, *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago* (ANU E Press, 2007).

²⁴ Donald E. Brown, *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate* (Bandar Seri Begawan: Brunei Museum, 1970).

²⁵ R. Nicholl, "Brunei Rediscovered: A Survey of Early Times", *BMJ*, IV, 1980, hal. 52-74.

akhirnya melahirkan 14 orang *saparadian* berlandaskan sumber tradisi lisan dan memberi nama negeri mereka “baru-nah”.²⁶ Bilcher Bala akur dan memetik tulisan Tom Harrisson bahawa Brunei telah didirikan oleh seorang Kelabit bernama Simaun yang menjadi raja pertama kerana terdapat tradisi lisan mengatakan demikian dan kerana dalam bahasa Kelabit perkataan “maun” bererti “tua” dan masyarakat Lun Bawang pula menamakan beliau sebagai “Semaring”.²⁷ Bagaimanapun penduduk di Dunia Melayu, termasuk di Borneo, dalam sejarah awal adalah berbangsa Melayu dan beragama Hinduisme atau animisme dan apabila agama Islam dianuti oleh semua kerajaan maka sebilang besar Melayu dan Melayu yang tidak masuk Islam menjadi suku kaum lain yang hanya pada abad ke-19 dilabelkan dengan pelbagai nama, termasuk nama umum Dayak.²⁸

Saya mengetengahkan pandangan mirip pendapat Awang Muhamad Jamil Al-Sufri berlandaskan sumber manuskrip Rantau dan *Syair Awang Sama'un* bukan sekadar sumber tradisi lisan.²⁹ Manuskrip Rantau menceritakan kehadiran seorang lelaki itu di pantai Teluk Brunei sedangkan *Syair Awang Sama'un* mengisahkan *adventure* 14 orang *saparadian* yang akhirnya bersetuju membina sebuah negeri di kuala sungai itu yang “baru-nah” berkenan di hati mereka. Yang tertua dalam kalangan mereka ialah Awang Alak Betatar yang kemudian menjadi raja pertama dan Awang Sama'un ialah nombor dua yang menjadi panglima yang terhandal sehingga dijadikan judul syair ini. Kegagahan Awang Sama'un dan peranan beliau sebagai panglima memungkinkan nama ini diambil daripada manuskrip *Hikayat Sama'un* yang disadur dari sebuah cerita Arab mengenai kehebatan seorang panglima Nabi Muhammad

²⁶ Awang Muhamad Jamil Al-Sufri, Catatan Perwira

²⁷ Komunikasi dengan sahabat Lun Bawang dan Kelabit di Lawas, daerah sendiri. Lihat Bilcher Bala, *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam* (School of Social Sciences, Universiti Malaysia Sabah, 2005). hal. 67.

²⁸ Di Borneo, khususnya Sarawak, apabila disoal siapa Melayu, dijawab “Dayak masuk Islam”. Dari segi sejarah ini mungkin tidak tepat; soalan yang salah. Sebaliknya ditanya siapa Dayak dan dijawab “Melayu yang tidak masuk Islam”, kerana pada sejarah awal semua adalah Melayu dan semua Hindu dan belum masuk Islam.

²⁹ Sanib Said, Introduction: A Survey of Works on Malay-Jawi Manuscripts in the Eastern Malay Archipelago, dalam *Malay Historical Writings*, Sarawak Museum, Kuching, 2005, hal. 1-12.

Sanib Said

SAW. Hikayat ini agak terkenal di Arkipelago Melayu dan terdapat juga versi dalam Bahasa Sunda di pulau Jawa.³⁰ Awang Sama'un boleh juga dilihat mempunyai perkataan Arab "ma'un" bererti "mendengar".³¹

Pembacaan yang teliti menunjukkan kesejarahan syair ini mungkin meyakinkan apabila laporan China tahun 977M merakamkan tentang pentadbiran Bo-ni, "[t]here are a total of fourteen prefectures with small mountains."³² Persamaan angka 14 *saparadian* dan *fourteen prefectures* sangat sempurna dan menakjubkan sehingga keinginan untuk membuat spekulasi sukar dibendung bagi memutuskan bahawa syair ini karya sejarah dan Brunei merupakan sebuah negeri-kerajaan yang besar dengan mempunyai 14 buah kawasan takluknya. Laporan China pertama sekali sekadar mencatat nama Bo-ni ialah pada tahun 860M dan hanya dalam laporan tahun 977M.³³ Laporan China ada menyebut beberapa orang nama raja seperti Hiangta (977M), Si-li-ma-je (1082M), Ma-ho-mo-sa (1370M), Ma-na-je-ka-na (1408M) dan Hsiawang (1408M).³⁴

Di bahagian awal silsilah raja-raja Brunei memberi gambaran pan-Melayu Brunei yang merangkumi warisan dan pertalian erat dengan pusat Dunia Melayu. Ini adalah kerana "turun temurun yang mengambil pesaka nobat negara genta 'alamat" dari negeri Johor dan Minangkabau.³⁵

³⁰ Penulis telah menjalankan penyelidikan manuskrip Melayu di Sarawak dan telah membuat ulasan mengenai perkara ini, sila lihat, *Ibid*.

³¹ Lihat kamus Arab

³² Johannes L. Kurz, *Boni in Chinese Sources: Translation of Relevant Texts form the Song to the Qing Dynasties*, Working Paper No. 4, Institute of Southeast Asian Studies (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, July 2011).

³³ *Ibid*.

³⁴ M.J. Al-Sufri, M.A. Hassan, and Belia dan Sukan Brunei. Kementerian Kebudayaan, Tarsilah Brunei: the early history of Brunei up to 1432 AD (Brunei History Centre, Ministry of Culture, Youth and Sports, 2000); M.J. Al-Sufri, *Sejarah sultan-sultan Brunei menaiki takhta* (Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2002).

³⁵ Amin Sweeney, Text B: Lihat juga H. R. Hughes, "A Sketch of the History of Brunei" in Cheah Boon Kheng (E.), *Papers Relating to Brunei*, JMBRAS, Kuala Lumpur, 1998, hal.29. Lima buah negeri yang disebut ialah Kalaka, Saribas, Sadong, Semarahan dan Sarawak. Susunan nama negeri dilihat dari ibu kota Brunei di sebelah timur.

Pada tahun 1940 H. R. Hughes-Hallet dalam sebuah artikel turut menyatakan:

*... according to Javanese records a Javanese force expelled Sulu marauders from Brunei in 1368 and Brunei is mentioned as one of the countries conquered during the reign of Angka Wijaya*³⁶

Beliau tidak menyebut sumber Jawa yang dirujuk, mungkin karya Prapanca, *Negarakertagama* di mana dicatatkan yang telah dinobatkan sebagai sumber primer bumiputera yang terkemuka.³⁷

SANTUBONG DAN NEGERI SARAWAK

Kesejarahan Negeri Sarawak seperti berada di depan mata. Sumber bumiputera, arkeologi dan tarafnya yang sentiasa penting dalam merentasi semua masa dan ruang sejarah silam hingga sekarang tetapi gagal dilihat dengan cepat. Selepas menemui semula *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam dan Temenggong Abdul Qadir Negeri Saribas* pada tahun 2005 dan setelah mengkajinya beberapa tahun baharulah mata hati terlihat *Hikayat Datuk Merpati* yang telahpun diterbitkan sebagai karya sejarah mengenai Negeri Sarawak lama.³⁸ Datuk Merpati dan saudaranya berasal dari sebuah gunung berapi di Pulau Jawa dan mengembara ke Johor, Sukadana, Sambas dan Tanjung Datu. Pada suatu hari mereka membantu Datuk Kuli dan Datuk Kualii yang terdampar di tanjung itu di mana mereka kemudian mengundang Datuk Merpati pindah ke Sungai Sarawak. Bagaimanapun dalam perjalanannya itu Datuk Merpati mengubah fikiran:

Alkisah maka tersebutlah cerita Datuk Merpati membuka negeri di Kuala Santubong. Tiada antara berapa lama sesudah dia diam di situ, Datuk Permaisuri Kemala pun melahirkan seorang anak perempuan. Telah diberinya nama anak

³⁶ Ibid., hal. 29.

³⁷ Slamet Mulyana, op cit.

³⁸ Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, Haji, *Hikayat Datuk Merpati*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.

Sanib Said

itu Dayang Seri Bulan. Maka telah sukalah hati Datuk Merpati kerana melihat anak perempuannya itu. Merpati Jepang juga suka melihat adiknya. Bertambah sukalah ahli kaum kerabat di dalam negeri itu.³⁹

Pada suatu masa Datuk Merpati dan Datuk Permaisuri Kemala telah menyelamatkan diri ke Brunei kerana diserang oleh Pego. Di Brunei, Datuk Merpati bertemu dengan Sama'un. Setelah diuji kekuatannya telah berjaya panglima dan ditugaskan menjaga anak Datuk Merpati, Dayang Seri Bulan yang kemudian berkahwin dengan Sultan Bungsu dari Selangor.⁴⁰ Dalam pada itu anak lelaki Datuk Merpati, Merpati Jepang telah dewasa dan mentadbir negeri Santubong "beroleh pupu kebanyakan" dan "pandai membawa kaumnya."⁴¹

Sejauh manakah kesejarahan *Hikayat Datuk Merpati*? Datuk Merpati yang dinukilkan berasal dari Jawa mungkin juga melambangkan pengaruh Majapahit di Sarawak seperti yang dibuktikan dalam *Negarakerlagama* sebelum tahun 1365. Nama Merpati mungkin korupsi *Parpatih* dalam *Datuk Parpatih nan Sabatang* dalam masyarakat Melayu dan "Merpatih" dalam masyarakat Minangkabau. Kemudian Datuk Merpati mendapat cahaya mata yang dinamakan Merpati Jepang. Mungkin yang lebih dekat ialah nama tempat di Jawa pada masa kejatuhan Majapahit dan kebangkitan Demak seperti dinyatakan, "meletakkan Pangeran Benowo sebagai Raja Jipang-panolan."⁴²

Salah sebuah kawasan di dalam wilayah kebudayaan Sarawak yang terbukti pernah menjadi negeri ialah di Kuala Sungai Sarawak yang besar yang dikenali sebagai Santubong. Malah di sini merupakan kawasan pertama dilakukan kerja-kerja arkeologi bukan saja dalam konteks Sarawak baru dan lama tetapi juga dalam konteks keseluruhan pulau Borneo yang besar ini. Tanda-tanda tentang peri pentingnya kawasan Santubong sebenar dicetuskan oleh penemuan Nandi dan Yoni oleh

³⁹ Ibid., hal. 76.

⁴⁰ Ibid., hal. 88-89.

⁴¹ Ibid., hal.96.

⁴² Widji Saksono, *Mengislamkan Tanah Jawa Telaah Atas Metode Dakwah Wali Songo*, Penerbit Mizan, Bandung, 1996.

James Brooke tidak lama setelah menjadi “raja” Sarawak.⁴³ Selain daripada jumpaan batu besar ini James Brooke juga mengumpulkan artifak-artifak emas.⁴⁴ Penemuan artifak yang diperbuat dari emas ini menunjukkan bahawa kawasan ini menarik perhatian orang asing, khususnya orang dari India pada peringkat awal. Mungkin oleh sebab adanya emas, bukan saja di lembah Sungai Sarawak tetapi juga di bahagian barat-daya Borneo, kawasan yang terbanyak mengandungi emas daripada tempat-tempat lain di kepulauan Melayu, telah dikaitkan dengan nama-tempat *Survanabhumi* (Bumi Emas) oleh orang India dan juga sebagai *Iabadiou* oleh Ptolemy pada c.150M.⁴⁵

Penemuan awal ini telah memberi perangsang kepada Muzium Sarawak untuk melakukan kajian arkeologi. Pada tahun 1949, di bawah pimpinan Tom Harrison, telah berhasil mengumpulkan ribuan pecahan tembikar China di Santubong.⁴⁶ Hasil dari kajian yang dilakukan ke atas tembikar ini serta artifak-artifak keagamaan Hindu mereka berpendapat bahawa Santubong sebagai politi sudah wujud sejak abad ke-7 lagi dan terus kekal hingga abad ke-10⁴⁷ atau abad ke-14.⁴⁸ Di samping itu adanya tahi besi (*iron-slag* yang dianggarkan sebanyak 40,000 tan⁴⁹) menguatkan pendapat bahawa kawasan Santubong ini merupakan kota-pelabuhan yang besar dan penting. Setelah dikaji oleh kedua-dua orang pakar ini mereka berpendapat bahawa industri ini wujud di antara tahun 900M hingga 1350M.⁵⁰ Bagaimanapun mengikut O.W. Wolters, seorang sejarawan

⁴³ Tom Harrison, “Gold and Indian Influences in West Borneo”, *JMBRAS*, XXII, Pt. 4, 1949, hal. 34-44. Ibid.

⁴⁵ R. Nicholl, ?

⁴⁶ T. Harrison and Carla Zainie, “Early Chinese Stonewares Excavated in Sarawak, 1947 – 1967: A Suggested First Basic Classification”, *Sarawak Museum Journal*, XV, hal. 30; Lucas Chin, “Trade Pottery Discovered in Sarawak from 1948 – 1969”, XXV, 1975, 1-7, with R. Nyandoh, “A Progress Report on Archaeological Work at Gedong”, *Sarawak Museum Journal*, XVII, 1969, hal. 80-88.

⁴⁷ W.G. Solheim, “The Prehistoric Earthenware Pottery of Tanjong Kubor, Santubong”, *Sarawak Museum Journal*, XII, 1965, hal. 3.

⁴⁸ Carla Zainie dan T. Harrison, Ibid.

⁴⁹ T. Harrison dan S.J. O’Conner Jr., “The Prehistoric Iron Industry in the Sarawak River Delta: Evidence by Association”, *Sarawak Museum Journal*, XVI, 1968, hal. 3.

⁵⁰ Ibid.

Asia Tenggara tua, China mungkin telah mengetahui tahi besi ini sejak abad ke-3 lagi dengan mentafsirkan bahawa pulau Tan-lan yang disebut dalam laporan China itu terletak di barat-daya Sarawak.⁵¹ Jika tafsiran sejarawan terkenal ini betul mungkin Tan-lan yang menghasilkan besi ini ialah Pulau Talang-Talang tetapi ahli arkeologi, mahupun Muzium Sarawak tidak pernah mengaitkan pulau ini dengan penemuan tahi besi di kawasan Santubong walaupun pulau ini tidaklah begitu jauh dari tempat tersebut.⁵²

Penemuan bahan-bahan arkeologi di kawasan Santubong ini telah mencetuskan berbagai-bagai pentafsiran dan pendapat. Ahli-ahli arkeologi kecuali Jan Wisseman Christie berpendapat bahawa kawasan ini sudah menjadi bandar pelabuhan penting sejak abad ke-7 hingga abad ke-14. Jan Wisseman Christie sebaliknya berpendapat bahawa Santubong muncul pada akhir abad ke-10 dan terus wujud hingga abad ke-14.⁵³ Tentang kepentingan dan peranan kota pelabuhan ini secara am dipersetujui oleh penyelidik-penyelidik dan pentafsiran yang lebih jelas dan terbaru ialah dari Jan Wisseman Christie:

*Santubong is a complex of port sites in the Sarawak river delta which rivals in site and richness found in the Muda and Merbok valleys of Kedah. It is undoubtedly the remains of the port-capital of the state of Po-ni ... The port was evidently founded in this region in the later tenth century, when it comprised only of one residential site, Sungei Jaong, and an associated burial ground nearby at Tanjong Kubor.*⁵⁴

Selepas itu terdapat pula pusat petempatan lain di sekitar Santubong seperti di Bongkissam. Bagaimanapun politi-politi ini kemudian dikuasai oleh Santubong yang menjadi sebuah negeri di kawasan ini.

Daripada kajian yang dilakukan ke atas ribuan serpihan tembikar China negeri Santubong ini terus wujud hingga abad ke-14.⁵⁵ Pendapat

⁵¹ O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, OUP, London, hal. 35, nk. 3.

⁵² Adalah dicadangkan bahawa Muzium Sarawak meluaskan aktivitinya di Pulau Talang-Talang ini, selain daripada menjaga penyu, kepada aktiviti arkeologi.

⁵³ Jan Wisseman Christie, "On Po-ni: The Santubong Sites of Sarawak", *Sarawak Museum Journal*, XXXIV, 1985, hal. 82.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Tom Harrison, *ibid.*, Lucas Chin, *ibid.*, W.G. Solheim, *ibid.*

ini dikuatkan lagi dengan tulisan China *Nan-hai-chih* yang menyenaraikan kerajaan-kerajaan tua di Borneo pada tahun 1304.⁵⁶ Pada masa ini Brunei yang ditulis oleh China sebagai Tung-yang Fo-ni jelas sekali menguasai keseluruhan utara Borneo. Di antara politi-politi yang berada di bawahnya dan yang terkandung di dalam wilayah kebudayaan Sarawak ialah Sha-hu-chung.⁵⁷ Carrie Brown mentafsirkan bahawa Sha-hu-chung ini mungkin Saludung yang terletak di pantai timur Borneo.⁵⁸ Bagaimanapun penulis ini berpendapat bahawa dari segi urutan tempat-tempat yang dikuasai oleh Po-ni, tempat ini lebih sesuai merujuk kepada Santubong. Di samping itu, Saludung sehingga kini tidak mempunyai bahan arkeologi seperti yang terdapat di Santubong. *Sha hu chung* dalam Mandarin, bahasa rasmi dan tulisan orang China, bererti "lautan batu karang" dan adalah tidak betul jika sebutannya diubah kepada *san choo bong*, sebutan Melayu dalam dialek Hakka yang bererti "king of wild pig".⁵⁹

Sumber Jawa, *Nagarakertagama*⁶⁰ menunjukkan bahawa Brunei (Bo-ni) telah dikuasai pula oleh Majapahit. Untuk menarik perhatian Majapahit pada abad ke-14 itu, pastinya Santubong telah wujud pada abad ke-7 and berkembang dan penting untuk menguruskan perdagangan dengan China. Politi dalam konteks ini adalah negeri-kerajaan Santubong-Sarawak di bawah pemerintahan Datuk Merpati dan kemudian diteruskan oleh puteranya, Merpati Jepang. Permulaan perluasan Majapahit ini dipercayai berlaku pada tahun 1350⁶¹ dan ini menyebabkan perdagangan dengan China di Santubong terhenti seperti yang terbukti dengan tembikar-tembikar yang dijumpai tidak menunjukkan tembikar Ming.⁶² Santubong sebagai nama negeri juga turut hilang dan digantikan oleh

⁵⁶ Carrie Brown, "The Eastern Ocean in the Yung-lo Ta-Tien", *Brunei Museum Journal*, IV, 1978, hal. 46 – 58.

⁵⁷ *Ibid.*, hal. 50.

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ www.wikipedia.org, akses 2 November 2011. Tafsiran seperti ini biasa terdengar di kedai kopi.

⁶⁰ Th. Pigeaud, *Java in the Fourteenth Century: A Study in Cultural History*, The Hague, IV, 1960 – 63, hal. 29 – 35.

⁶¹ Robert Nicholl, *op cit*

⁶² T. Harrison, *ibid.*

Sanib Said

nama baru, iaitu Sawaku (Sarawak) di dalam *Nagarakertagama*.⁶³ Kehadiran Majapahit mungkin telah menyebabkan perpindahan penduduk⁶⁴ negeri Santubong ini kepada politi-politi lain seperti Sadong dan Gedong.

NEGERI SAMARAHAN DAN SADONG

Nama sungai menjadi nama negeri atau kerajaan merupakan tradisi tamadun Melayu. Jika menyusuri pantai utara Borneo dari Sungai Sarawak menuju ke timur, maka sungai seterusnya ialah Sungai Samarahan dan Batang Sadong. *Silsilah raja-raja Brunei* menyatakan bahawa ini adalah "negeri Samarahan" dan kadangkala disebut negeri "Sadong" dan di dalam *Nagarakertagama* mungkin boleh dikaitkan dengan nama tempat "Samadong". Pada tahun 1850-an, James Brooke dan rakannya, Spenser St. John telah mengembara di lembah Sungai Samarahan dan Sadong. Mereka telah mendengar tentang sejenis patung yang diperbuat daripada batu. Spenser St. John telah mencatatkan penemuan "*the female principle so common near Hindu temples*" dan kemudian menjumpai "*one more known material remnant of Hindu worship in these countries: it is a stone bull – an exact facsimile of those found in India.*"⁶⁵

Penyelidikan arkeologi telah memperolehi penemuan tembikar China abad ke-14 dan ke-15 di dua buah tempat di lembah Sungai Sadong menunjukkan terdapatnya kesinambungan politi di pantai dengan yang wujud di pedalaman. Gedong yang terletak 40 batu dari Santubong dan 56 batu dari pantai. Di sini terjumpai 79,754 pecahan tembikar dan ratusan benda lain seperti manik, duit siling dan emas.⁶⁶ Lucas Chin mencadangkan bahawa Gedong ini merupakan tempat perkuburan tetapi tidak menemui sebarang tulang manusia. Terdapatnya pecahan tembikar dan benda-benda lain dengan begitu banyak besar kemungkinan Gedong ini merupakan politi yang agak besar. Kajian yang dilakukan oleh Lucas

⁶³ T. Pigeaud, *ibid.*

⁶⁴ O.W. Wolters, *opcit.*, hal. 190.

⁶⁵ S.S. John, *Life in the forests of the Far East, or Travels in Northern Borneo* (Smith, 1863).

⁶⁶ Lucas Chin, "Trade Pottery Discovered in Sarawak from 1948 to 1978", *op cit.*, hal. 4.

Chin menunjukkan bahawa jika Gedong merupakan sebuah politi maka ia wujud dari abad ke-7 hingga ke-13⁶⁷, iaitu sezaman dengan Santubong.

Lima belas batu ke pedalaman Gedong terdapat sebuah lagi politi di Bukit Sandong.⁶⁸ Di sini terdapat 30,000 serpihan tembikar yang mempunyai asal dan ketuaan seperti yang terdapat di Santubong dan Gedong. Selain daripada itu yang membezakannya dengan tempat-tempat tadi ialah adanya 143 serpihan tembikar Sawankhalok. Mengikut Lucas Chin serpihan Sawankhalok dan "blue and white sherds" ini ditarikahkan pada abad ke-16 dan ke-17.⁶⁹ Walaupun sukar untuk menyatakan adanya perpindahan dari politi-politi yang awal ke Bukit Sandong tetapi ia jelas menunjukkan kesinambungan politi Sarawak. Dan walaupun politi Gedong dan Bukit Sandong ini tidak tercatat dalam tulisan-tulisan China dan Jawa, namun kewujudannya juga tidak dapat dinafikan. Lucas Chin menyimpulkan,

What is also considered significant is that with such large quantities of ceramic wares excavated at such inland sites at Gedong and Bukit Sandong, it indicates that trade was not necessarily confined to the coast as previously believed. Trading boats could have sailed as far inland as possible for trade.⁷⁰

Penemuan peninggalan Hinduisme dan juga hasil kajian arkeologi di lembah Sungai Samarahan dan Batang Sadong memungkinkan kewujudan sebuah kerajaan tua Samarahan.

NEGERI KALAKA

Lembah Sungai Kalaka, tidak jauh dari lembah Sungai Sadong, hanya 10 batu di sebelah timur Santubong, merupakan juga tempat wujudnya politi tua di Sarawak. Dua sumber primer bumiputera yang ulung itu sangat jelas

⁶⁷ Ibid., hal. 6.

⁶⁸ Ibid., hal. 4. Maklumat mengenai Bukit Berhala seterusnya adalah dari sumber yang sama.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Ibid., hal. 6.

menyatakan negeri ini, malah ejaan namanya tidak jauh berbeza, sehingga dirasakan sangat menyakinkan akan kesejarahannya. Terletak di kuala Sungai Kalaka dan muara Batang Saribas ialah sebuah negeri bernama Kabong. Mengikut Lucas Chin terdapat tembikar yang masih bulat yang diambil oleh orang ramai dan tidak sempat diambil oleh pihak Muzium Sarawak.⁷¹ Nanga Kalaka lebih bernasib baik kerana di sana ditemui 9,469 serpihan tembikar China termasuk jenis Sawankhalok dan “*blue and white ware*”.⁷² Kajian menunjukkan bahawa tembikar ini adalah tembikar abad ke-16 dan ke-17. Sebuah lagi tempat di lembah ini ialah Tebing Tinggi. Di sini terdapat 41,762 serpihan tembikar termasuk jenis Sawankhalok jenis abad ke-16 dan ke-17.⁷³ Daripada abad tembikar ini dibuat nampaknya politi di lembah Sungai Kalaka ini tidak begitu tua seperti yang terdapat di Santubong dan lembah Sungai Sadong. Bagaimanapun ini tidak memberi maklumat yang lengkap kerana tembikar di Kabong tidak berjaya dikaji. Besar kemungkinan tembikar di Kabong ini bertarikh lebih awal kerana *Negarakeragamajelas* mencatatkan *Kalka* sebagai salah sebuah jajahan Majapahit.⁷⁴ Di samping itu Kalaka juga sebut sebagai sebuah negeri yang dianugerahkan kepada Kerajaan Brunei oleh Johor seperti yang dinukilkan dalam *Silsilah raja-raja Brunei* serta mendapat keutamaan dalam Kerajaan Brunei.

Satu lagi sumber ialah *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam dan Temenggong Qadir Negeri Saribas*, judul pendek mungkin *Syair Tarsilah Negeri Saribas*, mengandungi episod mengenai Kalaka. Syair ini menyebut Kalaka sebagai sebuah negeri yang diperintah oleh dua orang wanita adik-beradik.

“Terhenti dulu kisah itu
Tersebutlah pula habar suatu
Di Negeri Kalaka' habarnya tentu
Dayang Hubu' Dayangnya Ruku”⁷⁵

⁷¹ Ibid., hal. 5.

⁷² Ibid.

⁷³ Ibid.⁷⁴ Th. Pigeaud, op cit.

⁷⁵ Syair ini telah ditemui semula pada tahun 2005 melalui dua versi salinan yang sedang dikaji untuk keperluan pasca-siswazah.

NEGERI SARIBAS

Negeri Saribas tidak disebut dalam *Negarakerlagama* tetapi ditegaskan dalam *Silsilah raja-raja Brunei* dan sebuah manuskrip syair yang hilang dan telah ditemui semula. Negeri Saribas sebenar berkongsi muara Batang Saribas dengan ibu kota Negeri Kalaka yang besar itu sedangkan pusatnya banyak di sekitar pertemuan Batang Saribas dengan Sungai Rimbas di sebelah hulu menghampiri pertengahan hutan belantara. Disebut di dalam *Silsilah raja-raja Brunei* dan mendapat tempat yang banyak juga dalam manuskrip tersebut. *Negarakerlagama* tidak ada mencatatkan nama Negeri Saribas pada abad ke-14 berbanding dengan jirannya, Negeri Kalaka. Ini mungkin disebabkan Negeri Saribas didirikan pada awal atau pertengahan abad ke-17.

Pada tahun 2002 telah ditemui semula sebuah manuskrip berjudul *Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam dan Temenggong Qadir Negeri Saribas* yang meriwayatkan penubuhan negeri Saribas.⁷⁶

Syair Tarsilah Cetera Abang Gudam dan Temenggong Qadir Negeri Saribas meriwayatkan pelarian Pengiran Temenggong Abdul Qadir dari ibu kota Kerajaan Brunei di utara kerana anak gadisnya, Dang Chi' yang rupawan, telah diambil oleh sultan. Setelah sampai di muara Batang Saribas beliau telah mendirikan sebuah negeri dengan ibu kotanya di Tandang Sari di tebing Sungai Rimbas.

Telah disanggup Melayu dan Daya'
Baharu Temenggong mahu dibawa
Air nin pasang hacaplah juga
Orang pun sudah berturun tunda'

49/47365

⁷⁶ Penulis sedang menganalisis syair ini sebagai tesis. Maklumat awal boleh dilihat, Sanib Said, "Pembentukan Negeri Melayu: Pembacaan Pascamodenisme Awal Syair Tarsilah Cetera Abang Godam Dangan Temenggong Qadir Negeri Saribas", * Kertas kerja dibentang dalam *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu*, anjuran Akademi Pengajian Melayu dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Fakulti Sastera, 23-25 November 2009.

Sanib Said

Adanya berkayuh adanya berdayung 49/47366
Orang menunda perahu Temenggong
Habis lubuk berganti tanjung
Berapa pula tunggul dan palung

Tiada lagi berbanyakkan peri 49/47367
Adanya mengadap Datu' jauhari
Orang menunda bersama khabari
Lalulah sampai ke Tandang Sari⁷⁷

Kemudian muncul pula seorang anak raja Pagaruyung, dikenali di Saribas dan Brunei sebagai Dato' Gudam, dari Sumatera yang juga merantau membawa diri kerana gagal dalam ujian naik tahta sambil berdagang. Pada suatu hari Dato' Gudam berlabuh di Tandang Sari dan bertemu dengan Pengiran Temenggong Abdul Qadir dan isterinya yang masih merindui anak gadis mereka. Pengiran Temenggong Abdul Qadir berjaya memujuk Dato' Gudam untuk mengambil dan membawa pulang Dang Chi' keluar dari istana. Beliau berjaya dan atas jasa itu telah dikahwinkan dan Dato' Gudam kemudian memegang teraju pemerintahan Negeri Saribas yang menurunkan waris kepada keturunan Abang dan memegang jawatan-gelaran Datu Patinggi, Datu Bandar, Aulaksamana, Datu Imam dan Datu Hakim di lembah Batang Saribas.

Kesejarahan boleh dilihat dalam beberapa segi seperti kewujudan sebuah tempat Gudam di Tanah Datar Minangkabau di mana istana Kerajaan Pagaruyung yang pertama adalah di Gudam di samping bererti *istana* dalam Sanskrit. Gudam merupakan ibukota dan tapak pertama istana dan balai raja Minangkabau-Pagaruyung di pendalaman Sumatera sebelum berpindah ke tapak Istana Selinduang Bulan di Balai Janggo, sekitar tiga kilometer dari Gudam.⁷⁸ Stamford Raffles, setahun sebelum

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ Pemerhatian ke Gudam semasa kajian lapangan sejarah lisan di Padang, Bukit Tinggi dan Tanah Datar, Jun 2010.

mengambil Singapura, telah melawat Gudam untuk berjumpa Raja Pagaruyung pada tahun 1818.⁷⁹ Keturunan Dato' Gudam masih ingat samar-samar tentang penubuhan negeri ini, tetapi mereka ingat tentang keturunan yang memegang jawatan-gelaran seperti juga yang dicatat dalam *Silsilah raja-raja Brunei*. Pengisahan seorang bernama Aulaksamana terdapat juga dalam karya Charles Brooke di mana beliau merakamkan bahawa laksamana ini pada tahun 1860 berusia 90 tahun.⁸⁰ Keturunan mereka dikenali dengan gelaran Abang untuk lelaki dan Dayang untuk perempuan dan di zaman Brooke mereka diambil berkhidmat dalam pentadbiran di banyak Bahagian.

MALANAU DAN BINTULU

Dua sumber primer bumiputera yang ulung itu juga menegaskan negeri Malanau, walaupun ada versi *Silsilah raja-raja Brunei* tidak sepakat dalam senarai yang ada. Di samping itu sebuah lagi politi yang mungkin terletak di Kuala Sungai Rejang, sungai selepas Sungai Kalaka, bernama Malano.⁸¹ Di kuala sungai ini juga seorang sejarawan terkenal, J.L. Moens berpendapat kerajaan Melayu awal, Srivijaya dipercayai berpusat.⁸² Setakat ini belum dijumpai benda-benda arkeologi di kuala Sungai Rejang. *Nan-hai-chih* ada menyebut Achen (Igan) Wentuling (Bintulu).⁸³

Kewujudan negeri-kerajaan tuadi ruang wilayah kebudayaan Sarawak versus wilayah kebudayaan Brunei sukar untuk ditolak dan dipisahkan dari masa silam warisan Sarawak. Penemuan artifak arkeologi di tiga

⁷⁹ Raffles, H. W. (1835). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles, Particularly in the Government of Java, 1811-1816, Bencoolen and its Dependencies, 1817-1824; with Details of the Commerce and Resources of the Eastern Archipelago, and Selections from His Correspondence* (New Edition, in 2 Volumes, Google Digital 2010 ed., Vol. I). London, Britain: James Ducan, hal. 420-422.

⁸⁰ C. Brooke, *Ten Years*, 2 vol, OUP Reprint, hal. 156.

⁸¹ Keraguan di sini timbul mengenai lokasi Malano kerana ia juga mungkin di Tg. Melano jauh di sebelah barat Sungai Rejang. Ia juga mungkin bukan merujuk kepada suku kaum yang kita kenali sekarang, tetapi nama tempat.

⁸² J.L. Moens, *opcit*.

⁸³ Carrie Brown, *op cit*.

Sanib Said

lembah merupakan bukti kuat tentang kewujudan negeri-kerajaan sebagai warisan Sarawak dan bukan Brunei. Sumber-sumber bertulis dari China dan Jawa menguatkan lagi negeri-kerajaan ini walaupun pada suatu ketika mereka jatuh di bawah ketuanan Brunei (Bo-ni) dan Majapahit. Keraguan yang timbul setakat ini adalah mengenai politi di Kuala Sungai Rejang. Sumber bertulis yang telah disebutkan di atas mencatatkan beberapa buah politi tetapi artifak-artifak arkeologi belum lagi ditemui.⁸⁴ Bagaimanapun ketuanan negeri-kerajaan Sarawak ini tidak dapat dinafikan sebagai sebahagian dari masa silam sebagai warisan Sarawak.

PERKEMBANGAN TERKEMUDIAN

Kerajaan-kerajaan tua yang diwarisi oleh sejarah negeri Sarawak tidak lenyap ditelan zaman seperti yang digambarkan oleh ketiadaan benda-benda arkeologi. Bagaimanapun sumber-sumber lain sedikit sebanyak memberi maklumat untuk menunjukkan kesinambungan dan kepentingan politi-politi ini. De Barros yang menulis pada tahun 1530 mencatatkan kepentingan kota-pelabuhan Sarawak:

*In Borneo, Lave, Tanjapura, Cerava, the principal ports of this island there are many wealthy merchants who trade to Malacca, Sumatra, Siam, China and other ports, to which they export diamonds, camphor, agala wood*⁸⁵

Petikan ini jelas menunjukkan bahawa nama Santubong telah tidak digunakan lagi dan digantikan oleh Sarawak. Lebih penting lagi Sarawak pada masa itu dengan jelas dibezakan dengan Brunei yang ditulis sebagai Borneo dan jika tidak Brunei tidak disebut langsung sebagai pelabuhan penting. Peta-peta Eropah abad ke-16 dan ke-17 menamakan Sarawak (bukan Kuching) sebagai Cereua (1537) dan Cereuwa (1550); Belanos (Melano), Sedang (Sadong), Calca (Kalaka) dan River de

⁸⁴ Sejauh yang penulis ketahui belum ada pihak yang cuba membuat kajian arkeologi di kawasan ini, termasuk pihak Muzium Sarawak. Lihat Lucas Chin, *op cit*.

⁸⁵ Dipetik oleh R. Logan, "Notices of European Inter-course with Borneo".

Burulu (Bintulu).⁸⁶ Kepentingan Sarawak pada abad ke-16 juga boleh dilihat daripada cadangan raja Brunei, Sultan Saiful Rijal untuk pindah ke Sarawak setelah Sepanyol menduduki bandar Brunei pada tahun 1578.⁸⁷

Keistimewaan negeri-kerajaan ini, khususnya Sarawak terserlah lagi apabila raja Brunei, Sultan Muhiuddin telah menganugerahkan Sarawak (lama) ini kepada adindanya Raja Tengah untuk dijadikan negeri dan beliau sendiri menjadi raja kerana Raja Tengah sentiasa menggugat kedudukan sultan.

Maka tiadalah dipanjangkan riwayatnya lagi, telah itu dipanggillah oleh Sultan Muhiuddin Raja Tengah itu. Bagindapun lalu mengeluarkan titah kepada saudaranya Raja Tengah, katanya, "Ya adinda sekarang sudah nasib kakanda di dalam Berunai jadi demikian ini. Akan adinda pun pada pikiran kakanda jadikan raja di dalam negeri Sarawak sebab pun sama2 juga kita anak Marhum. Maka telah selesailah sudah bermeshuarat apa2 yang dimemuafakatan, maka Raja Tengah pun suroh oleh baginda Sultan Muhiuddin berangkat ke sarawak berserta diberinya rayat banyaknya seribu orang akan kawannya Raja Tengah. Kemudian telah sampailah Raja Tengah di Sarawak, maka raja pun menitahkan segala rayat sekalian itu melainkan semuanya dengan kerana tiada berhenti lagi hingga sudah istana dan kota dan kampong dan mana sahaja kehendak Raja Tengah semuanya dikerjakan oranglah ..."⁸⁸

Tidak lama selepas itu, Raja Tengah telah belayar ke Johor dan dalam pelayaran pulang singgah di Matan dan di mana baginda diangkat menjadi sultan Sambas.⁸⁹

⁸⁶ R. Nicholl, *European Sources for the History of Brunei in the Sixteenth Century*, Brunei Museum, 1975, hal

⁸⁷ Transliterasi oleh P.L. Amin Sweeney dalam *JMBRAS*, xxxxi, 1968, hal.66.

⁸⁸ P.L.Amin Sweeney, *op cit.*, hal. 65 – 66.

⁸⁹ Kisah Raja Tengah, raja Sarawak, boleh juga dirujuk dalam *Silsilah Raja-Raja Sambas*, lihat E. Kratz, "Silsilah Raja-Raja Sambas As A Source of History", *Archipel*, 20, 1980, hal. 258. Dipetik dalam R. Logan, *op cit.*

Sanib Said

Pada awal abad ke-17 terdapat juga sumber-sumber mengenai beberapa negeri-kerajaan Sarawak. Blommert pernah melaporkan bahawa “*Sadong were one of the best place for trade comparable to Lauwe.*” Laporan Belanda bertarikh 1609 tentang satu pemberontakan menentang Kesultanan Brunei:

*1609. News received (in Bantam) that the tribes north of Sambas, living in Calca, Saribas and Melanoege had defected from the king of Borneo and united themselves with the King of Djohor.*⁹⁰

Kalaka terus menjadi negeri-kerajaan penting sehingga abad ke 19 walaupun dijajah oleh Kesultanan Brunei. Seorang pegawai Inggeris bernama John Hunt yang pernah melawatnya pada tahun 1812 menulis:

*... it is the principal port of trade south of the capital, and the mart of Sadong country: here much grain is produced, one hundred pikuls of black birds' nest, two hundred pikuls of wax, some gold, pepper, camphor, but the tin mines, before mentioned, are utterly neglected.*⁹¹

R. Logan yang menulis pada awal abad yang sama mengatakan bahawa Kalaka juga menjual mutiara.⁹²

KESIMPULAN

Sejak abad ke-7 sudah muncul beberapa negeri yang mungkin juga bersifat kota-pelabuhan di dalam apa yang kini menjadi warisan kepada Sarawak. Negeri-negeri ini pernah wujud dan penting lama sebelum menjadi takluk empayar Brunei dan Majapahit pada abad ke-14. Sehubungan

⁹⁰ Laporan Valentyn, *Oud en Nieu Oost Indie* dan diterjemahkan dalam S.A. Dovey, *Valentjn's Borneo*, *Brunei Museum Journal*, IV, 1978, hal. 85. Lihat juga R. Logan, *op cit.* dan Jamil Umar, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, DBP, Brunei, 1973, hal. 28

⁹¹ J. Hunt, “A Sketch of Borneo or Pulo Kalimantan”, hal. 57.

⁹² R. Logan, *op cit.*

itu, dengan sumber-sumber yang ada pada masa tersebut, maka negeri Sarawak, Samarahan, Kalaka, Saribas dan Malanau layak dinobatkan dalam buku sejarah Sarawak, Malaysia, Arkipelago Melayu dan Asia Tenggara. Penaklukan Brunei yang begitu lama tidak boleh dinafikan tetapi pengaruh Brunei itu tidak mengubah kesemua aspek kehidupan kesejarahan. Pada masa kini kawasan di mana pernah wujudnya lima buah negeri-kerajaan itu, di sini terdapatnya penduduk Melayu paling ramai di Sarawak sebagai salah satu lagi relik masa silam yang bersejarah. Negeri-kerajaan ini tetap menjadi politi yang tersendiri dan mempunyai aspirasi tersendiri walaupun memancarkan ketamadunan Melayu dalam keupayaan mendirikan negeri-kerajaan dan menjalin hubungan perdagangan dan diplomatik dengan empayar yang lebih besar dan lebih lama dan pemerintahan tersendiri. Justeru itu negeri-kerajaan Santubong-Sarawak, Samarahan-Sadong, Kalaka, Saribas dan Malano sangat layak untuk dinobatkan ke dalam historiografi Kepulauan Melayu dan Malaysia jika selama ini telah lama hilang.

RUJUKAN

- Al-Sufri, M.J. 2002. *Sejarah Sultan-Sultan Brunei Menaiki Takhta*. Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Al-Sufri, M.J., M.A. Hassan, and Belia dan Sukan Brunei. Kementerian Kebudayaan. 2000. *Tarsilah Brunei: The Early History of Brunei up to 1432 Ad*. Brunei History Centre, Ministry of Culture, Youth and Sports.
- Bala, Bilcher. 2005. *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam*. School of Social Sciences, Universiti Malaysia Sabah.
- Bellwood, P. 2007. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. ANU E Press.
- Birch, A.H. 2007. *The Concepts and Theories of Modern Democracy*. London: Routledge.
- Braudel, Fernand, Roselyne de Ayala, Paule Braudel & Sian Reynolds. 2002. *The Mediterranean in the Ancient World*. London: Penguin.
- Braudel, Fernand & Sian Reynolds. 1975. *The Mediterranean and the Mediterranean World in the Age of Philip II*. London: Fontana.
- Brown, Donald E. 1970. *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museum.
- Cœdès, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. East-West Center Press.
- Hall, K.R. 2010. *A History of Early Southeast Asia: Maritime Trade and Societal Development, 100-1500*. Lanham Rowman & Littlefield.

Sanib Said

- Ishak, M.A. 2007. *The Malay Civilization: Persatuan Sejarah Malaysia*, 2007.
- Ismail, A.R.H. 2005. *Malaysia: Sejarah Kenegaraan Dan Politik*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John, S.S. 1863. *Life in the Forests of the Far East, or Travels in Northern Borneo*: Smith.
- Kohn, H., and C.J. Calhoun. 2005. *The Idea of Nationalism: A Study in Its Origins and Background*: Transaction Publishers.
- Mansoer, M.D. 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia, 1979.
- Sweeney, A. 1968. "Silsilah Raja-Raja Berunai." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 41, no. 2: 46-127.
- Tjandrasasmita, U.2000. *Pertumbuhan Dan Perkembangan Kota-Kota Muslim Di Indonesia Dari Abad Xiii Sampai Xviii Masehi*. Jakarta, Indonesia: Menara Kudus, 2000.
- Wolters, O.W. 1970 *The Fall of Śrīvijaya in Malay History*: Cornell University Press, 1970.